

Meritokrasi bentuk Melayu cekal: PM

31 AUG 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis – Dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dicadangkan kerajaan, bertujuan mengelakkan pemikiran generasi muda rosak kerana segalanya disediakan kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jika keadaan itu berlaku, dikhuatiri mereka tidak akan dapat lagi menyesuaikan diri dalam dunia yang terlalu mencabar sekarang.

“Saya harap mereka menumpukan kepada pelajaran dan dapat mencapai kelulusan yang baik. Dengan itu mereka masih boleh masuk universiti dengan kelulusan yang tinggi mengikut cara meritokrasi.

“Walaupun yang dimaksudkan dengan meritokrasi itu belum kita jelaskan, sedikit sebanyak ia bermakna keputusan yang baik, tidak seperti sekarang iaitu cuma dapat sedikit kelayakan boleh dapat tempat (di IPTA).

“Perkara ini akan dihuraikan lebih panjang nanti (dalam taklimat khas untuk pemimpin Umno),” katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan di majlis Dialog Per-

dana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertemakan “Toleransi - Model Malaysia”, di sini hari ini.

Seorang peserta di majlis itu bertanya apakah sistem meritokrasi itu akan dijadikan dasar baru kerajaan bagi kemasukan Bumiputera ke IPTA.

Kira-kira 100 peserta terdiri daripada wakil IPTA, Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), pelajar, parti politik termasuk

tinggi (MT) Umno Jumaat lalu bagi membincangkan isu itu.

“Mereka tidak faham apa sebenarnya. Malangnya, Hishammuddin tidak ada pada mesyuarat MT apabila isu ini diputuskan. Jadi, semalam dia hadir mesyuarat Kabinet,” katanya.

Mesyuarat Kabinet semalam menyokong sepenuhnya cadangan melaksanakan sistem meritokrasi itu dan Dr Mahat-

Ucapan penuh Perdana Menteri di muka 29

dari pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), media dan pembuat dasar menghadiri siri pertama dialog itu.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr Mahathir turut diminta mengulas mengenai bantahan beberapa pihak, termasuk desakan Pergerakan Pemuda Umno supaya beliau mengkaji semula tindakan radikal itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak terfikir bahawa Pemuda Umno tidak bersetuju dengan langkah itu, tetapi cuma mereka tidak memahami perkara sebenar kerana ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein tidak menghadiri mesyuarat Majlis Ter-

hir pula akan memberi taklimat khas kepada pemimpin Umno mengenai isu itu, tidak lama lagi.

Pada majlis dialog selama 75 minit itu, Perdana Menteri menceritakan bagaimana seorang anak yang terlalu dimanjakan, boleh hilang akal apabila sudah tidak lagi mendapat perlindungan daripada ibu mereka apabila menyentuh mengenai prestasi pelajar Bumiputera ke IPTA.

“Bercakap mengenai kuota Bumiputera ini, kita tahu bahawa tabiat manusia kalau terlalu disayangi akan jadi gayat. Kita tahu kadang-kadang ada anak yang terlalu disayangi.

LIHAT MUKA 2

Kerajaan ikhlas bantu pelajar

DARI MUKA 1

Bila anak ini membuat macam-macam yang tak baik, kita biar juga pasal kita sayang sangat.

"Bila kita sayang sangat dia akan jadi rosak kerana dia tak tahu dunia sebenar. Apabila dia terpaksa hidup dalam dunia sebenar tanpa perlindungan ibu, maka dia dapati bahawa dunia ini terlalu mencabar dan dia tak dapat mengatasinya, mungkin juga kadang-kadang sampai hilang akal, sampai membuat benda yang tak baik.

"Kita berniat untuk menolong Bumiputera kerana kita tahu mereka mempunyai latar belakang yang menyebabkan kebolehan mereka agak terhad," katanya.

Dr Mahathir berkata, amat malang apabila didapati Bumiputera tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana lebih asyik dengan perkara lain dan mungkin kerana hasutan sehingga hilang tumpuan.

"Sebaliknya mereka menumpu kepada sikap membenci pihak tertentu, membenci mahazalim,

mahafiraun, yang baru ini ialah maha dajal dan anjing. Ada buku diterbitkan mengenai anjing ini.

"Jadi bila kita ajar anak kita supaya dia benci, fikiran dia tidak tenang lagi, tak boleh belajar. Inilah yang sedang berlaku dan kita perlu ambil tindakan untuk mengingatkan kalau mereka tidak berusaha, tidak ada tempat bagi mereka (di IPTA).

"Tetapi yang berusaha masih boleh dan kita harap pelajar masih mempunyai banyak masa sebelum mereka mengambil peperiksaan tahun ini. Saya

harap mereka menumpu kepada pelajaran dan dapat mencapai kelulusan yang baik dan dengan itu mereka masih boleh masuk universiti dengan kelulusan yang tinggi mengikut meritokrasi," katanya.

Menjawab satu lagi soalan berkaitan daripada peserta majlis itu, Dr Mahathir berkata buat permulaan dasar meritokrasi diperkenalkan dalam sistem pendidikan sebelum boleh diperluaskan ke perkhidmatan awam.

Kepada soalan mengenai kemungkinan apabila dasar meritokrasi diperluas-

Bumiputera ke IPTA

kan ke perkhidmatan awam yang membolehkan bukan Melayu dilantik sebagai Naib Canselor di IPTA dan bagi jawatan Ketua Setiausaha Negara, Perdana Menteri berkata:

"Saya dilatih sebagai doktor perubatan dan walaupun saya ada ubat untuk penyakit tertentu, kalau kita cuba memberi terlalu banyak ubat itu, ia akan membunuh pesakit.

"Jadi ketika memberi ubat itu kita kena berjaga-jaga. Kalau kita buat semua menyeluruh, kena telan semua ubat, teruk. Sedikit sebanyak kita mesti

betulkan. Kita mula setapak. Kalau kita berjaya InsyaAllah kita akan teruskan tetapi kita harus ingat bahawa kadang-kadang ubat tidak begitu disukai pesakit walaupun boleh menyembuh penyakitnya.

Beliau juga bersetuju dengan pandangan seorang pensyarah IPTA supaya isu pendidikan tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak bagi kepentingan tertentu.

Katanya, ketika beliau mula menjawat jawatan Menteri Pelajaran pada 1974, arahan pertamanya ialah jangan suruh murid

berbaris di sepanjang jalan menyambut ketibaan orang kenamaan, manakala gambar menteri tidak boleh digantung di sekolah.

"Ini kerana saya nak supaya murid tumpu kepada pelajaran, bukan perkara lain. Begitu juga gambar menteri tak boleh diletak dalam pejabat di sekolah, tapi semua orang tak peduli langsung arahan saya.

"Nama sekolah tak boleh diberi nama menteri pelajaran, semasa dia hidup. Kalau nak, mati dulu," katanya disambut gelak hadirin.